

KAJIAN PERANCANGAN DAN SUSUNATUR TAPAK BINA OLEH
KONTRAKTOR DALAM PROJEK PEMBINAAN DI KAWASAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, KAMPUS SKUDAI

NORHIDAYAH BINTI SULONG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

APRIL, 2010

ABSTRACT

Nowadays, there are many problems faced by the contractors that work in university. There are no specific places for them to put all the materials needed for construction. Thus, it became double handling and also increases the financing of contractors. Moreover, this research was conducted to identify the problems and how to overcome the problem that make be done by contractor in planning site layout especially in university. The inefficiency of planning in site layout may bring technical problems, site, lack of management and skill too. At the stage of planning site layout, more attention needs to be given for temporary structure, access road, personal protection equipment and others. This research was conducted by observation on site with semi-structure interview to the contractor and distributing the questionnaire to the respondents. The finding of this research shows that the major problem faced by contractors is the placed for construction transportation. This is because of limited site area that only enough for materials of constructions. Furthermore, transference of construction materials and damage wheel causing traffic jam in university. Although, there are many ways are been taken by contractor to overcome it such as preparing schedule for transportation of construction. This method will make the machine or wheel will wait at the entrance of university. Besides, the method can reduce the traffic jam in the university during the construction. The other solutions also mention here for attention and action for contractor for better and efficient in site layout.

ABSTRAK

Isu permasalahan susunatur tapak bina sering membelenggu setiap kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan dalam kawasan universiti. Jalan masuk yang tidak sesuai boleh menyebabkan longgokan bahan binaan berada di luar tapak dan menyebabkan 'double handling' membawa pertambahan kos kepada kontraktor. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti permasalahan yang dialami dan kaedah penyelesaian yang digunakan oleh kontraktor dalam membuat perancangan dan susunatur tapak bina dalam kawasan universiti khususnya. Perancangan dan susunatur tapak bina yang kurang efisien menyebabkan berlakunya masalah teknikal, tapak, pengurusan dan kemahiran. Keperluan-keperluan seperti struktur sementara, laluan keluar masuk tapak, peralatan keselamatan pekerja dan sebagainya memerlukan perhatian yang lebih pada peringkat perancangan susunatur tapak. Kajian dimulakan kaedah pengumpulan data yang terdiri daripada kajian di tapak beserta temubual semi-struktur dan edaran borang soal kaji selidik. Hasil daripada kajian didapati bahawa masalah yang sering dihadapi oleh kontraktor adalah masalah perletakan loji atau jentera di kawasan tempat letak kereta pihak ketiga dalam kawasan universiti akibat daripada kawasan tapak bina yang terhad. Tambahan pula, pemunggahan bahan binaan di tapak dan kerosakan loji atau jentera di jalan raya juga akan mengganggu kesesakan lalu lintas di kawasan universiti. Namun, terdapat pelbagai kaedah yang digunapakai oleh kontraktor dalam mengatasi masalah susunatur tapak bina. Setiap kontraktor perlu menyediakan jadual kemasukan loji atau jentera ke tapak bina. Loji atau jentera akan menunggu giliran di hadapan pintu masuk universiti untuk memasuki tapak bina yang berada dalam kawasan universiti. Kaedah ini dijalankan adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas yang seringkali berlaku dalam kawasan universiti terutama semasa aktiviti pembinaan sedang berjalan. Beberapa cadangan telah disertakan untuk perhatian dan tindakan pihak kontraktor bagi mewujudkan susunatur tapak yang lebih efisien.